



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 27 DISEMBER 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• STRAYS NOT MISTREATED AT SUBANG JAYA POUND

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• STRAYS NOT MISTREATED AT SUBANG JAYA POUND
2.	SELANGORKINI	• PELEKAT KHAS ELAK PENIPUAN • SEDIA RM15 JUTA AGIH TONG SAMPAH

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBSA MBPJ	• MBSA LOCAL PLAN • EVICTION LOOMS FOR PJ NURSERIES

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	HARIAN METRO	• TARIF ELEKTRIK KEKAL BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2025
2.	BERITA HARIAN	• SSPA BUKAN ALASAN TAMBAH PINJAMAN TAK PERLU • PELUANG PENJAWAT AWAM ADA DIPLOMA, IJAZAH NAIK PANGKAT • JPA KAJI PENJAWAT AWAM PANGKAT RENDAH ADA IJAZAH NAIK GRED • MALAYSIA CATAT PERTUMBUHAN PALING KUKUH SEJAK 2018
3.	UTUSAN MALAYSIA	• BNM UNTUNG 36 SEN DARI CAJ RM1 SISTEM MEPS? • DIVIDEN KWSP DIJANGKA MENCECAH ENAM PERATUS • DIVIDEN ASB NAIK, BUKTI PEMULIHAN EKONOMI YANG MAMPAN • TAMBAH BAIK KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN

'Strays not mistreated at Subang Jaya pound'

By JADE CHAN



NGO representatives and concerned residents after handing over the memorandum to a representative of the mayor in Subang Jaya. — FAIHAN GHANI/The Star

SUBANG Jaya City Council (MBSJ) has denied allegations of stray animals being mistreated, including issues of overcrowding, at its pound.

Viral videos raised concerns about the welfare of stray dogs, including claims of improper handling by foreign workers without valid permits, and that they were paid a sum for each dog caught.

"We prioritise the well-being of animals under our care," Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim said in a statement.

He said this year, MBSJ had invested RM52,000 to ensure a clean and adequate environment for animals at the pound, covering expenses like medication and food.

"Our health department also has a practising veterinarian.

"A total of 79 dogs are currently housed in four kennels at the pound," he said.

The videos question what happens to the "dozens" of stray dogs caught that are then housed in a "limited space" within MBSJ's pound in Taman Perindustrian Puchong Utama, Puchong.

One video shows former MBSJ councillor Michael Tamarason standing outside the pound while another was posted by Persatuan Kebajikan Haiwan Terbiar Sungai Buloh (Fauziah Paws Care) president Siti Fauziah Abdul Jabbar.

Amirul Azizan explained that operations to capture stray dogs were conducted based on public complaints.

MBSJ received 1,017 complaints about stray dogs this year, including 53 cases of dog bites.

"Captures are carried out by both council staff and an appointed contractor.

"The contractor is a bumiputra-owned company with all workers holding valid work permits.

"MBSJ officers closely monitor all capture operations to ensure compliance with established standard operating procedures (SOP).

"Euthanasia is only considered as a last resort," he said.

According to the statement, operations are carried out in accordance with Dog Licensing and Dog Breeding House Bylaw (MPSJ 2007).

The capture methods are outlined in the SOP for Capture and Disposal of Stray Dogs by Local Authorities (based on a circular issued by the then Urban Wellbeing, Housing and Local Government secretary-general in 2014).

Following the videos, representatives from non-governmental organisations and concerned residents staged a peaceful protest at MBSJ headquarters.

They presented a memorandum to the mayor's representative, outlining their concerns and recommendations.

Siti Fauziah said, "These include ensuring only workers with valid permits are hired, conducting a thorough audit of MBSJ's pound to ensure compliance with animal welfare standards and ensuring SOPs on animal welfare are aligned with the Veterinary Services Department's guidelines."

THE STAR ONLINE

TARIKH: 27 DISEMBER 2024

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

'Strays not mistreated at Subang Jaya pound'

SUBANG Jaya City Council (MBSJ) has denied allegations of stray animals being mistreated, including issues of overcrowding, at its pound.

Viral videos raised concerns about the welfare of stray dogs, including claims of improper handling by foreign workers without valid permits, and that they were paid a sum for each dog caught.

"We prioritise the well-being of animals under our care," Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim said in a statement.

He said this year, MBSJ had invested RM52,000 to ensure a clean and adequate environment for animals at the pound, covering expenses like medication and food.

"Our health department also has a practising veterinarian."

"A total of 79 dogs are currently housed in four kennels at the pound," he said.



NGO representatives and concerned residents after handing over the memorandum to a representative of the mayor in Subang Jaya. — FAIHAN GHANI/The Star

The videos question what happens to the "dozens" of stray dogs caught that are then housed in a "limited space" within MBSJ's pound in Taman Perindustrian Puchong

Utama, Puchong.

One video shows former MBSJ councillor Michael Tamilarason standing outside the pound while another was posted by Persatuan Kebajikan Haiwan

Terbiar Sungai Buloh (Fauziah Paws Care) president Siti Fauziah Abdul Jabbar.

Amirul Azizan explained that operations to capture stray dogs were conducted based on public complaints.

MBSJ received 1,017 complaints about stray dogs this year, including 53 cases of dog bites.

"Captures are carried out by both council staff and an appointed contractor."

"The contractor is a bumiputra-owned company with all workers holding valid work permits."

"MBSJ officers closely monitor all capture operations to ensure compliance with established standard operating procedures (SOP)."

"Euthanasia is only considered as a last resort," he said.

According to the statement, operations are carried out in accordance with Dog Licensing and Dog Breeding House

Bylaw (MPSJ 2007).

The capture methods are outlined in the SOP for Capture and Disposal of Stray Dogs by Local Authorities (based on a circular issued by the then Urban Wellbeing, Housing and Local Government secretary-general in 2014).

Following the videos, representatives from non-governmental organisations and concerned residents staged a peaceful protest at MBSJ headquarters.

They presented a memorandum to the mayor's representative, outlining their concerns and recommendations.

Siti Fauziah said, "These include ensuring only workers with valid permits are hired, conducting a thorough audit of MBSJ's pound to ensure compliance with animal welfare standards and ensuring SOPs on animal welfare are aligned with the Veterinary Services Department's guidelines."

THE STAR

27 DEC 2024

Tarikh:.....

MBSA LOCAL PLAN ✓

The draft Shah Alam City Council Local Plan 2035 (Amendment 1) is available for inspection until Jan 11, 9am-4pm (Monday to Friday). It is displayed at MBSA Planning Department, 9th Floor, Wisma MBSA; MBSA Kota Kemuning Branch Office, Section 31 and Selangor Town and Country Planning Department, 16th Floor, Bangunan Darul Ehsan. It can also be downloaded via drtmbsaP1. mbsa.gov.my

THE STAR

Tarikh: 27 DEC 2024

Eviction looms for PJ nurseries

872
27/12
(MBPJ)

Selangor Forestry Dept orders operators to vacate by Dec 30

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

SOME 40 nursery operators clustered together in an area off Persiaran Tropicana in Petaling Jaya, Selangor, have been ordered to vacate by Dec 30.

The area is part of the Sungai Buloh Forest Reserve.

The eviction notice, dated Nov 27, was served to the operators in person on Dec 3 by Selangor Forestry Department (JPNS) officers.

Issued under the National Forestry Act 1985, the notice alleged that the operators were occupying forest reserve land illegally.

The operators are being accused of farming, constructing buildings and conducting farming-related activities on permanent forest reserve land without permission.

A Methodist church and a Hindu temple located nearby

were also given the same notice to vacate.

However, the nursery operators argued they have had permission from JPNS since 2006 to use the land, but were unable to renew their yearly permits since 2021.

"Since 2021, we have been trying to renew our permission permits from JPNS but we were told that they would not process our applications," said nursery operator K. Alan.

"The following year, my application was rejected without reason."

Despite this, he said the operators still tried to renew their permits with JPNS and had no issues renewing their business licences with the Petaling Jaya City Council (MBPJ).

Another operator, who only wanted to be known as Ah Seng, said his family had been tending to the land for the last 18 years.

"Since we first obtained per-

mission from JPNS, we also took it upon ourselves to clear the land, which was unusable then, and turned the area into an enterprise that is now our livelihood and beneficial for the community," he said.

When met at the site, some operators told *StarMetro* that JPNS could not process their applications for technical reasons.

"I was told by one officer that this was because the land was in the process of being transferred to the (Petaling) land office," said one operator.

Some, like Ah Seng, had previously been relocated from the Selangor Green Lane in Sungai Buloh to make way for the Damansara-Shah Alam Highway (DASH) project.

"There were a few of us who were relocated from the Selangor Green Lane after spending 20 years there because of the DASH project, and now we are being told to move again without being given any reasons.

"The investments into the land and businesses amount to millions of ringgit for some, and it would all go to waste if we have to vacate," Ah Seng said.

"It was a real shock to us when we received the letter. It is less than a month's notice and for some of us, there is simply no way we can clear out the area within the deadline," he added.

Most of the nurseries have also taken in a significant amount of stocks to meet demand for the upcoming Chinese New Year festive season, but are uncertain


where they could place their incoming stocks.

The nursery operators say they are willing to pay rental if such an arrangement could be formalised.

"The activities are environmentally friendly, and we are promoting green practices and providing a service to the community," said T. Kumar, another operator.

A few operators representing the group also submitted a letter to Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, state executive councillors Datuk Izham Hashim and Datuk Ng Suee Lim, to intervene.

JPNS and Selangor Land and Mines Office did not respond to *StarMetro*'s request for comments at press time.



The nurseries (located in between residential homes) along Persiaran Tropicana (top right corner) have been ordered to vacate the land which is part of the Sungai Buloh Forest Reserve. — FAIHAN GHANI/The Star

THE STAR

27 DEC 2024

Tarikh:.....

Pelekat khas elak penipuan ^{su 27/12}

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperkenalkan pelekat khas bagi program kutipan caj beg plastik bagi mengelakkan penipuan di premis tidak berdaftar berkuat kuasa tahun depan.

Datuk Bandar Dato' Amirul Azizan Abd Rahim memberitahu kes penipuan di premis yang membuat kutipan caj beg plastik secara haram dan tidak berdaftar dengan MBSJ masih berlaku.

"Pelekat khas mula digunakan pada tahun depan bagi mencegah penipuan di tapak serta membantu pengguna mengenali pasti premis yang sah mendaftar dalam program kutipan," katanya pada 20 Disember.

Beliau juga menjelaskan sebanyak RM1 juta kutipan beg plastik direkod dan wang tersebut akan dimanfaatkan untuk pelbagai projek inisiatif hijau serta kempen pemuliharaan alam sekitar.

SELANGOR KINI

Tarikh: 27 DEC 2024

Sedia RM15 juta ^{sm 27/12} agih tong sampah

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperuntuk RM15 juta untuk agihan tong sampah kepada 60,000 unit kediaman bermula tahun depan, kata datuk bandarnya.

Dato' Amirul Azizan Abd Rahim menjelaskan pemberian percuma tong berkapasiti 120 liter dalam dua fasa hingga 2026 itu antara inisiatifnya berikutan kadar baharu cukai taksiran.

"Kita peruntuk RM15 juta yang mana sebagai permulaan RM8 juta untuk tahun depan dan selebihnya pada 2026. Ini antara inisiatif kita untuk seragamkan tong sampah di setiap kediaman.

"Inisiatif ini bermula di kediaman yang berdaftar terlebih dahulu dan mungkin diperluas ke kedai kerana penetapan cukai taksiran baharu tidak beri pendapatan banyak kepada MBSJ," katanya pada 21 Disember.

SELANGOR KINI

Tarikh: 27 DEC 2024

Tarif elektrik kekal bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025

Putrajaya: Kerajaan pada 13 Disember 2024 bersejua supaya kadar rebat dan surcaj terhadap tarif elektrik berdasarkan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* yang dikenakan kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung dikekalkan bermula 1 Januari hingga 30 Jun 2025.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dalam satu kenyataan berkata keputusan tiada kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna di Semenanjung bagi tempoh berkenaan menunjukkan bahawa kerajaan kom-

mitted menjamin kesejahteraan rakyat dengan memastikan pengguna domestik terus dilindungi melalui pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar.

Secara keseluruhannya, jumlah subsidi elektrik bagi tempoh dari bulan Januari hingga Jun 2025 yang akan dibiayai oleh kerajaan adalah sebanyak RM2,388 juta.

Kementerian percaya bahawa pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar adalah pendekatan terbaik pada masa ini supaya mengurangkan komitmen subsidi kerajaan supaya

peruntukan dapat disalurkan dalam pelbagai bentuk bantuan lain kepada rakyat serta membolehkan menambah baik infrastruktur awam, penjagaan kesihatan serta menyokong sektor pendidikan negara.

Seterusnya, kerajaan pada 13 Disember 2024 turut bersetuju dengan penetapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah kerangka *Incentive Based Regulation (IBR)* untuk tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari 2025 hingga 31 Di-

seMBER 2027.

Sehubungan itu, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang memuktamadkan cadangan jadual tarif baharu yang mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar dan lebih kompetitif selain mengekalkan keseimbangan trilema tenaga dan jadual tarif baharu ini dicadangkan untuk dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2025 dengan membabitkan implikasi kewangan dianggarkan RM3,570 juta yang akan dibiayai oleh Kerajaan.

Selain itu, kerajaan terus kekal komited memasti-

kan kebajikan golongan berpendapatan rendah terpelihara melalui Program Rebate Elektrik RM40 untuk pengguna elektrik dalam kategori Miskin Tegar yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem e-Kasih di seluruh Malaysia pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM55 juta.

Pengguna yang layak boleh membuat semakan status kelayakan masing-masing di laman sesawang <https://semakan-rebat.petra.gov.my/ap-ps/public/index.php> atau hadir ke kedai utiliti berhampiran. Pengguna juga

boleh melihat jumlah subsidi elektrik yang diberikan oleh kerajaan di dalam bil elektrik bulanan masing-masing.

Kerajaan berharap pengendalian tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025 ini akan menjamin pemain-paklin industri supaya memastikan kestabilan harga barangan di pasaran di seluruh negara dan menyokong usaha kerajaan untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan merancakkan sektor ekonomi negara.

HARIAN METRO
Tarikh: 27 DEC 2024

'SSPA bukan alasan tambah pinjaman tak perlu'

DA 27/12



Penjawat awam diingatkan lebih berhemat dalam mengurus kewangan selepas pelaksanaan SSPA.

(Foto hiasan NSTP)

Putrajaya: Penjawat awam diingatkan agar tidak membuat pinjaman berlebihan atau bertindih yang tidak perlu, susulan kenaikan gaji yang dinikmati di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Abdul Rahman Mohd Nordin, berkata SSPA seharusnya tidak dijadikan alasan untuk penjawat awam menambah pinjaman, yang akhirnya akan menambah beban kewangan.

"Jika ingin membuat pinjaman, ia seharusnya untuk tujuan yang memberi keuntungan pada masa hadapan, seperti pinjaman perumahan atau pendidikan anak, bukan membeli telefon bimbit dan sebagainya.

"Risikonya, penjawat awam mungkin akan menghadapi masalah kewangan," katanya pada program *Apa Khabar Malaysia* terbitan *Bernama TV*, semalam.

Menerusi SSPA yang berkuat kuasa pada 1 Disember, pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memilih skim itu, menerima pelarasan gaji sebanyak 15 peratus secara berfasa.

Fasa pertama, lapan peratus, akan diberikan pada Disember 2024, manakala tujuh peratus lagi pada Fasa 2, pada Januari ini.

Kumpulan Pengurusan Tinggi (KPT) pula menerima pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus, dengan empat peratus bagi Fasa 1 dan tiga peratus bagi Fasa 2.

Sementara itu, Abdul Rahman

menyifatkan, pelaksanaan SSPA adalah tepat pada masanya memandangkan gaji penjawat awam sudah hampir 12 tahun tidak disemak, sedangkan kos sara hidup kian meningkat dalam tempoh tersebut.

"Apabila tidak disemak, ditambah dengan keadaan ekonomi semasa, ia membebankan dan menggusarkan penjawat awam kerana kos sara hidup yang tinggi, sehingga sukar untuk mencukupi perbelanjaan harian, termasuk untuk rumah," katanya.

Ditanya mengenai pandangan CUEPACS berkenaan 1,400 penjawat awam yang memilih untuk tidak menerima opsi SSPA, beliau berkata, perkara itu tidak dapat dielakkan dan CUEPACS menghormati keputusan mereka.

BERNAMA

BERITA HARIAN
27 DEC 2024
Tarikh.....

BH 27/12 ①

Pelaksanaan SSPA

Peluang penjawat awam ada diploma, ijazah naik pangkat



JPA sedang melaksanakan kajian bagi memberi peluang kepada penjawat awam berpangkat rendah yang mempunyai kelayakan akademik seperti diploma dan ijazah diberi kenaikan pangkat menerusi Fasa 2 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata kajian itu termasuk tuntutan oleh Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS).

Oleh Mohamed Farid Noh dan Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 3

BERITA HARIAN

Tarikh.....**27 DEC** 2024.....

JPA kaji penjawat awam pangkat rendah ada ijazah naik gred

Tuntutan AUEGCAS dapat perhatian dalam kajian Fasa 2 SSPA

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohamed Farid Noh
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang melaksanakan kajian bagi memberi peluang kepada penjawat awam pangkat rendah, tetapi mempunyai kelayakan akademik lebih tinggi seperti tahap diploma dan ijazah untuk diberi kenaikan pangkat dalam Fasa 2 Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata kajian tersebut dibuat Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS).

"Mengenai tuntutan AUEGCAS, saya ingin menyatakan bahawa JPA sudah meneliti perkara terbabit sebelum pelaksanaan SSPA. Malah, beberapa sesi libat urus dijalankan, penjelasan sudah dibuat dalam beberapa siri pertemuan dan perbincangan.

"Untuk makluman, semakan dan penambahbaikan sentiasa dilakukan secara berterusan. Tuntutan AUEGCAS supaya memberi peluang kepada pega-

wai awam mempunyai kelayakan akademik seperti diploma dan ijazah diberi kenaikan pangkat, sedang dalam kajian Fasa 2 SSPA," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung AUEGCAS, Amir Hamzah Yakat Ali, yang mendakwa kira-kira 350,000 pembantu tadbir dalam sektor awam masih kekal pada Gred Lantikan 1 Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) atau Gred 19 Skim Saran Malaysia (SSM), yang menyebabkan laluan kerjaya mereka tersekat dengan tangga gaji rendah.

Amir Hamzah mendakwa, situasi itu membabitkan pembantu tadbir dalam tugas pentadbiran dan kewangan sektor awam membabitkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pegawai Khidmat Pelanggan, Pembantu Akauntan, Pembantu Setiausaha Pejabat dan Pembantu Pengurusan Murid.

Ini kerana sejak 1950, syarat lantikan pembantu tadbir menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan syarat itu kekal sehingga kini, walaupun penjawat awam sekarang melaksanakan tugas beraras tinggi dan kebanyakan mereka juga ada kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), diploma, ijazah sarjana muda, selain pengalaman berkhidmat yang lama.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan laluan kerjaya mereka tersekat dengan tangga gaji rendah, selain berhadapan per-

Eksklusif

tindihan gred penyeliaan.

Suarakan isu lebih 20 tahun

Susulan itu, katanya, AUEGCAS menuntut kerajaan menyemak semula SSPA dengan melakukan penambahbaikan terhadap Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir demi kemakmuran dan keharmonian 350,000 penjawat awam seluruh negara.

"Antara penambahbaikan skim perlu dilakukan adalah syarat lantikan perkhidmatan pembantu tadbir yang masih menggunakan SPM sejak 1950-an, ditukar kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), diploma atau setaraf.

"Kami sudah menyuarakan isu ini selama lebih 20 tahun melalui kertas kerja mahu pun sesi libat urus supaya syarat lantikan kami diubah daripada SPM ke-

pada STPM atau diploma dan setaraf dengannya, namun sehingga kini ia tidak dapat direalisasikan," dakwanya.

Amir Hamzah berkata, tugas pembantu tadbir kini semakin bertambah dan perlu mempunyai kemahiran pelbagai kerana tanggungjawab mereka tidak lagi terhad kepada tugas pentadbiran biasa, sebaliknya turut merangkumi pelbagai bidang yang memerlukan kepakaran khusus.

"Skop tugas pembantu tadbir kini semakin meluas, sama dengan tugas penolong pegawai tadbir. Kami dilatih untuk mahir dalam perundangan, pekeliling serta peraturan bagi memastikan setiap dasar kerajaan kerajaan dilaksanakan sebaiknya.

"Kelayakan akademik dan kemahiran pembantu tadbir digunakan sepenuhnya jabatan masing-masing, namun mereka tidak diiktiraf sewajarnya dalam bentuk kenaikan pangkat dan tangga gaji bersesuaian," katanya.

Justeru, beliau meminta JPA menilai semula skim perjawatan pembantu tadbir dan memper-

timbangkan kenaikan pangkat mereka ke 'gred Penolong Pegawai Tadbir N29 di bawah SSM atau Gred N5 SSPA supaya skim itu relevan dengan perkembangan semasa, selain memenuhi keperluan jabatan.

Mengulas lanjut, Wan Ahmad Dahlan yang menyifatkan dakwaan AUEGCAS itu agak mengelirukan, meminta pegawai skim terbabit menghubungi JPA untuk mendapatkan penjelasan terperinci, selain menyemak kenaikan dinikmati mereka susulan pelarasan gaji baharu menerusi kalkulator gaji yang disediakan pada portal SSPA.

"Dalam pada itu, bagi kakitangan skim perkhidmatan ini, mereka boleh memohon Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi, sama ada pada peringkat diploma, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Ijazah Sarjana Muda.

"Permohonan boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk mengisi kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik yang dimiliki," katanya.

Justeru, Wan Ahmad Dahlan berkata, JPA sentiasa memberi perhatian dan mengkaji tuntutan dari mana-mana kumpulan pegawai awam melalui pelbagai sumber, termasuk media sosial.

"Sebagai contoh, ketika kajian SSPA dibuat, JPA mewujudkan portal khas untuk semua pegawai awam menyuarakan hasrat dan kehendak penambahbaikan sistem saraan," katanya.

JPA sentiasa memberi perhatian dan mengkaji tuntutan daripada mana-mana kumpulan pegawai awam melalui pelbagai sumber, termasuk media sosial



Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

BERITA HARIAN
Tarikh... 27 DEC 2024

Malaysia catat pertumbuhan paling kukuh sejak 2018

BA 22/12

Momentum dijangka berterusan tahun depan didorong aliran masuk pelaburan langsung asing

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan paling kukuh sejak 2018 dan momentum itu dijangka berterusan ke 2025, kata penganalisis.

Momentum kukuh berterusan itu dijangka didorong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing

(FDI) yang besar, turut menjana limpahan positif terhadap pelaburan langsung domestik (DDI).

Phillip Capital berkata, pelaburan swasta dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun akan datang dengan realisasi selanjutnya pelaburan yang diluluskan.

ia menjangkakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) 5.1 peratus pada 2025, berikutan unjuran 5.3 peratus pada 2024.

Justeru, katanya, ia menandakan pertama kali sejak 2014 bahawa ekonomi berkembang lebih 5.0 peratus untuk dua tahun berturut-turut.

"Prestasi ekonomi yang membanggakan ini berkemungkinan menyokong pasaran ekuiti negara," katanya dalam nota penyelidikannya.

Ringgit diunjur RM4.30

Mengenai ringgit, Philip Capital mengunjurkan ringgit berlegar sekitar RM4.30 berbanding dolar AS menjelang akhir 2025, diso-

kong oleh pertumbuhan FDI yang kukuh dan dasar kerajaan yang menggalakkan.

ia menjangkakan Rizab Persekutuan AS (Fed AS) mengekalkan kadar dasar monetarinya stabil pada separuh pertama 2025, dengan pelonggaran monetari disambung semula pada separuh kedua 2025.

"Pengurangan kadar yang dijangkakan telah disemak kepada 50 mata asas pada 2025, lebih rendah berbanding unjuran sebelumnya bagi pengurangan 100 mata asas," katanya.

Phillip Capital berkata, pihaknya kekal yakin terhadap prestasi pasaran Malaysia pada

2025, didorong oleh FDI yang mantap, ringgit yang lebih kukuh, mudah tunai domestik yang kukuh, aliran ekonomi yang positif, pertumbuhan pendapatan korporat, dan realisasi komitmen pelaburan syarikat multinasional (MNC).

ia melihat, risiko kepada KLCI termasuk potensi aliran masuk asing yang perlahan disebabkan oleh tarif dan dolar Amerika Syarikat (AS) yang lebih kukuh di bawah pentadbiran Donald Trump.

"Saham bermodal kecil sederhana menawarkan ganjaran risiko lebih baik, disokong oleh pemacu pertumbuhan tematik yang kukuh. Sasaran akhir tahun 2025 bagi FBM KLCI ialah 1,750," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh...2.7...DEC...2024

um 27/12

BNM untung 36 sen dari caj RM1 sistem MEPS?

PETALING JAYA: Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) mendakwa Bank Negara Malaysia (BNM) menerima 36 sen daripada setiap caj RM1 bagi pengeluaran tunai antara bank melalui Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia Sdn. Bhd. (MEPS).

Menurut NUBE, jumlah yang diterima BNM ini lebih tinggi berbanding 11 bank komersial lain yang turut terlibat.

Katanya, BNM sepatutnya berperanan sebagai pengawal selia dan pelindung rakyat dan bukannya sebagai entiti yang mencari keuntungan.

"Ini menimbulkan konflik kepentingan yang jelas, di mana

pengawal selia mendapat keuntungan daripada sistem yang mengeksploitasi mereka yang sepatutnya dilindungi.

"Selama lebih daripada 27 tahun, caj RM1 bagi pengeluaran tunai antara bank melalui ATM (MEPS) telah membebaskan jutaan rakyat Malaysia, terutamanya pekerja berpendapatan rendah dan golongan B40 yang sangat bergantung kepada transaksi tunai.

"Walaupun caj ini kelihatan kecil, ia terkumpul menjadi jumlah yang signifikan RM3 seminggu, RM156 setahun wang yang sepatutnya boleh digunakan untuk keperluan asas seperti makanan atau peralatan sekolah," katanya

dalam kenyataan.

Dalam pada itu, NUBE juga menggesa penghapusan segera caj RM1 bagi pengeluaran tunai antara bank melalui mesin pengeluaran automatik (ATM) MEPS oleh PayNet, BNM dan 11 bank pemegang saham iaitu Maybank, CIMB, Public Bank, RHB, Hong Leong Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Affin Bank, AmBank, Alliance Bank, dan Bank Rakyat.

Justeru, NUBE mengerakkan tandatangan sebagai bantahan caj pengeluaran RM1 itu.

"Caj ini bukan sekadar beban kewangan dan ia adalah satu ketidakadilan. Bersama-sama, kita boleh menuntut kebertanggungjawaban dan keadilan.

"Tandatangan petisyen ini untuk menunjukkan sokongan anda dan sertai gerakan #HapusCajRM1. Setiap tandatangan membawa kita lebih dekat kepada keadilan," katanya.

Terdahulu, sepanjang dilancarkan kempen tersebut, seramai 350 orang telah menandatangani petisyen tersebut bagi menghapuskan caj RM1 di ATM.

Pada 2023, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) meraih untung kasar RM544 juta dan untung bersih RM271 juta dan dilaporkan mengekalkan keuntungan terkumpul dari tahun terdahulu berjumlah RM1.43 bilion serta memiliki aset RM2.1 bilion.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 DEC 2024

Dividen KWSP dijangka mencecah enam peratus

UM
27/12

PETALING JAYA: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka mengumumkan kadar dividen pada kadar antara 5.7 peratus hingga enam peratus tahun ini.

Jangkaan kadar itu lebih baik berbanding 5.5 peratus bagi Simpanan Konvensional dan 5.4 peratus untuk Simpanan Syariah bagi 2023.

Pensyarah Fakulti Ekonomi Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah berkata, jangkaan itu berikutan prestasi ekonomi negara dalam keadaan positif.

"Saya menjangkakan dividen simpanan Konvensional diantara 5.75 peratus hingga 6 peratus manakala simpanan Syariah pula 5.6 peratus hingga 5.9 peratus tahun ini.

"Faktor dividen ini kerana

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan pertumbuhan positif pada suku ketiga tahun ini iaitu 5.3 peratus dan berpotensi mencecah 5.9 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tahun lalu, KWSP mengumumkan dividen 5.5 peratus dan 5.4 peratus masing-masing untuk simpanan Konvensional dan simpanan Syariah.

Senada itu, Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, jangkaan dividen yang mampu mencecah enam peratus disebabkan prestasi positif Bursa Malaysia.

"Faktor dividen KWSP dijangka lebih tinggi dari sebelumnya kerana prestasi Bursa Malaysia yang meningkat begitu positif tahun ini, melebihi 10 peratus di KLGI," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tariikh: 27 DEC 2024

Dividen ASB naik, bukti pemulihan ekonomi yang mapan

PETALING JAYA: Pengagihan pendapatan sebanyak 5.75 sen seunit untuk Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 menunjukkan situasi ekonomi Malaysia dan juga global berada pada fasa pemulihan yang ketara dan mapan.

Profesor Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Mohd. Rizal Palil berkata, dividen ASB tahun ini seperti dijangkakan adalah yang terbaik sejak lima tahun lalu.

"Prestasi syarikat tersenarai juga sudah mula menunjukkan trend keuntungan menaik dan seterusnya memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB).

"Selain itu kenaikan harga saham juga menyumbang kepada pulangan ASB yang lebih tinggi," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd. Rizal berkata, pelarasan gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) juga bakal memberi kesan kepada sumbangan pulangan ASB pada masa hadapan.

"Pengagihan ini juga akan memberi peluang penjawat awam menabung dalam ASB," katanya.

Beliau menjelaskan, berkeungkinan pada tahun depan, prestasi ASB berkemungkinan sama sama atau menaik pada kadar 0.5 sen.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Mohd. Faisol Ibrahim berpendapat, pengumuman dividen ASB 2024 memberi khabar berita kepada para pelabur sedia ada dan juga bakal pelabur akan datang mengenai prospek dan masa depan kumpulan.

Jelasnya, pengagihan ini semakin mengukuh dan mampu memberikan pulangan yang kompetitif walaupun berhadapan dengan beberapa isu ekonomi global.

"Dengan kebijaksanaan pengurusan pihak PNB, pulangan yang agak tinggi ini mampu merancakkan lagi jumlah simpanan ASB di masa hadapan dengan andaian ASB di tahun hadapan akan lebih tinggi berbanding 2024.

"Namun apa yang lebih



um
27/12

Prestasi syarikat tersenarai juga sudah mula menunjukkan trend keuntungan menaik dan seterusnya memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada PNB."

penting adalah kenaikan dividen ASB yang lebih tinggi berbanding lima tahun sebelum ini akan mengembalikan keyakinan pelabur untuk terus melabur ke dalam ASB dan dijangkakan kemungkinan jumlah bilangan penyimpan ASB pada 2025 akan lebih tinggi sekali gus jumlah simpanan ASB akan meningkat secara keseluruhan," katanya.

Jelasnya, kenaikan dividen ASB 2024 juga menunjukkan sedikit sebanyak tentang kekuatan ekonomi Malaysia yang semakin mengukuh walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi global.

"Selain itu kenaikan dividen ASB 2024 juga memberikan sedikit kelegaan dan keselesaan kepada pelabur ASB yang memerlukan kewangan untuk perbelanjaan di awal 2025 nanti khususnya persediaan anak-anak ke sekolah bagi sesi tahun 2025," katanya.

Selasa lalu, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.75 sen seunit untuk dana utamanya, ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Jumlah tersebut terdiri daripada pengagihan pendapatan sebanyak 5.5 sen seunit dan bonus sebanyak 0.25 sen seunit, dengan jumlah keseluruhan pengagihan pendapatan sebanyak RM10.1 bilion ini akan memanfaatkan 11.1 juta pemegang unit ASB.

Unit yang dilaburkan semula daripada pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2025.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 27 DEC 2024



RUSDI OMAR

KAJIAN terbaru oleh Merdeka Center, sebuah organisasi bebas yang terkenal dengan penyelidikan pendapat awam berkualiti tinggi sejak 2001, memberikan gambaran yang optimis mengenai kepemimpinan Perdana Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim, serta prestasi kerajaan perpaduan dan hala tuju negara sempena ulang tahun kedua pentadbiran Madani.

Dengan kadar persetujuan terhadap PM pada 54 peratus, kerajaan pada 51 peratus, dan persepsi hala tuju negara pada 39 peratus, kajian yang dijalankan dari 27 November ke-10 Disember lalu ini memberikan gambaran yang lebih positif berbanding tahun sebelumnya.

Kadar sokongan terhadap Anwar meningkat daripada 50 peratus tahun lalu kepada 54 peratus tahun ini, dipacu oleh kejayaan menarik pelaburan asing (62 peratus kepuasan), meningkatkan imej Malaysia (59 peratus), usaha menguruskan perkhidmatan awam (54 peratus) dan memperkukuhkan ekonomi rakyat (45 peratus).

Tanggapan tinggi rakyat terhadap kejayaan PM menarik pelaburan asing dan meningkatkan imej Malaysia tidak syak lagi adalah hasil daripada lawatan Anwar ke beberapa negara luar yang dikritik oleh sesetengah pihak sebelum ini. Dapatan ini menunjukkan majoriti rakyat menerima positif kunjungan Anwar ke negara-negara asing dan penglibatan beliau di peringkat antarabangsa.

Peningkatan sokongan terhadap kerajaan, daripada 46 peratus pada November 2023 kepada 51 peratus pada 2024, membuktikan usaha pentadbiran untuk menangani isu-isu utama mendapat sambutan positif rakyat. Antara pencapaian ketara termasuk:

- Menjana pertumbuhan ekonomi: Kenaikan kepuasan sebanyak 12 peratus (44 peratus pada 2024).
 - Menangani isu kos sara hidup: Kenaikan lapan peratus (32 peratus pada 2024).
 - Memperbaiki integriti pegawai kerajaan: Kenaikan tujuh peratus (47 peratus pada 2024).
- Peningkatan ini mencerminkan dasar-dasar progresif kerajaan perpaduan, termasuk usaha melibatkan

Tambah baik kepercayaan rakyat terhadap kerajaan



PENILAIAN positif terhadap kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan perpaduan menunjukkan kejayaan dasar-dasar yang dilaksanakan setakat ini. Namun, cabaran ekonomi dan tekanan kos sara hidup masih menghantui rakyat.

rakyat secara inklusif, memperbaiki pentadbiran dan melaksanakan dasar ekonomi yang lebih adil.

Kenaikan peratusan kepuasan ini juga adalah petunjuk penting ke atas keyakinan rakyat terhadap kemampuan kerajaan perpaduan menguruskan ekonomi negara.

Walaupun 65 peratus responden menyatakan ekonomi sebagai isu utama negara, kadar ini menurun daripada 74 peratus tahun lalu. Ketidakpuasan masih tinggi (47 peratus) disebabkan kebimbangan terhadap pemotongan subsidi dan tekanan kos sara hidup.

Dapatan kajian ini memberikan beberapa mesej yang jelas kepada Anwar dan kerajaan perpaduan.

Pertama ialah pentingnya tumpuan kepada ekonomi. Ekonomi kekal sebagai isu terpenting bagi pengundi. Kejayaan dalam menangani kos sara hidup dan menstabilkan nilai ringgit akan menjadi penentu utama kestabilan sokongan terhadap pentadbiran.

Kedua ialah penguatkuhan kepercayaan awam. Peningkatan kadar sokongan terhadap usaha membanteras rasuah (menaik daripada

40 peratus tahun lalu kepada 47 peratus tahun ini) menunjukkan keperluan untuk terus memperkukuh integriti pentadbiran.

Ketiga ialah penyampaian naratif positif. Dengan kadar sokongan hala tuju negara meningkat sedikit (36 peratus tahun lalu berbanding 39 peratus tahun ini), kerajaan perpaduan perlu mengukuhkan naratif pembangunan dan kestabilan politik untuk menarik keyakinan rakyat.

Sokongan positif terhadap Anwar dan kerajaan memberikan peluang kepada kerajaan perpaduan untuk mengukuhkan kedudukannya, tetapi perbezaan kecil antara kepuasan dan ketidakpuasan (51 peratus berbanding 47 peratus) menunjukkan risiko politik yang masih wujud.

Ketidastabilan politik (Tujuh peratus) dan kebimbangan terhadap pentadbiran lemah (Lapan peratus) menunjukkan keperluan untuk komunikasi lebih berkesan dan strategi jelas dalam pentadbiran.

Penurunan kebimbangan ekonomi daripada 74 peratus kepada 65 peratus adalah perkembangan positif, tetapi tekanan kos

sara hidup masih menjadi cabaran utama. Penurunan ini memberikan ruang bagi kerajaan perpaduan untuk terus memperkukuhkan dasar-dasar ekonomi, seperti pelaburan asing, peningkatan peluang pekerjaan dan strategi pengurusan subsidi yang lebih efisien.

Berbeza dengan dapatan kajian Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) yang telah menilai prestasi kerajaan perpaduan dapatan kajian Merdeka Center lebih beribawa kerana kajian Bersih didasarkan kepada pendapatnya sendiri sahaja sedangkan kajian Merdeka Center bersifat menyeluruh dengan mengambil pendapat semua golongan rakyat di seluruh negara.

Kajian Bersih juga lebih sempit kerana hanya tertumpu kepada tiga bidang reformasi utama, iaitu Reformasi Pilihan Raya, Reformasi Institusi dan Hak Kebebasan Sipil berbanding kajian Merdeka Center yang bersifat lebih menyeluruh dengan memberikan tumpuan kepada persepsi awam terhadap prestasi ekonomi dan kepimpinan.

Kajian Bersih juga hanya bersifat mengukur pencapaian prestasi ke

atas perkara-perkara yang memerlukan masa panjang untuk dilaksanakan seperti ketidakseimbangan kawasan pilihan raya, manipulasi sempadan pilihan raya, pemisahan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya, penginstitutionan Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya serta pemansuhan atau pemindaan undang-undang represif seperti Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia dan Akta Perhimpunan Aman.

Keupayaan Merdeka Center untuk menjalankan kajian yang menyeluruh dan telus melalui 1,207 responden dari pelbagai latar belakang etnik, umur dan kawasan memperkuat kredibilitinya. Pendekatan yang merangkumi semua kawasan pilihan raya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, serta penggunaan bahasa pilihan responden, menjadikan dapatan ini relevan dan mewakili sentimen rakyat Malaysia.

Berbanding kajian lain seperti Bersih, dapatan Merdeka Center lebih komprehensif dan praktikal, terutama dalam menilai isu-isu yang paling dekat di hati rakyat seperti kos sara hidup, pentadbiran ekonomi dan kepimpinan.

Penilaian positif terhadap kepimpinan Anwar dan kerajaan perpaduan menunjukkan kejayaan dasar-dasar yang dilaksanakan setakat ini. Namun, dengan cabaran ekonomi dan tekanan kos sara hidup yang masih menghantui rakyat, langkah proaktif diperlukan untuk memastikan kestabilan politik dan ekonomi terus diperkukuhkan.

Kajian Merdeka Center bukan sahaja mencerminkan kejayaan pentadbiran Anwar, tetapi juga menjadi bukti penting bahawa pendekatan yang konsisten, berani dan berintegriti mampu membawa Malaysia ke arah yang lebih baik. Dengan sokongan rakyat yang semakin kukuh, masa depan Malaysia di bawah kepimpinan pentadbiran Madani kelihatan cerah dan menjanjikan.

PROFESOR Dr. Rusdi Omar adalah Dekan di Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM).